

Lawatan kedua PM ke Russia perkukuh hubungan strategik

KL, Moscow
bincang soal
perdagangan,
pendidikan dan
hubungan dengan
dunia Islam

Daripada
Muhammed
Ahmad Hamdan
bhnews@com.my
di Moscow

Lawatan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Russia bermula hari ini adalah kunjungan kedua ke negara berkenaan dalam tempoh lapan bulan, ketika Malaysia berusaha memperkukuh hubungan strategik dengan

Kremlin di tengah arus geopolitik yang berubah.

Lawatan selama empat hari atas jemputan Presiden Vladimir Putin itu bukan sahaja penting untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi, ia juga bakal menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik ketika Russia berusaha mengukuhkan hubungan dengan negara Islam.

Anwar tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Vnukovo, Moscow jam 6 petang waktu tempatan (11 malam tadi di Malaysia) menerusi penerbangan dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang.

Beliau disambut Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Duta Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai; pegawai kanan serta wakil Russia termasuk Timbalan Menteri Luar Negeri Ryabkov Sergey Alexeevich dan Duta Russia ke Malaysia, Nail Latypov.

Sebaik tiba, Perdana Menteri hadir pada majlis makan malam

bersama kira-kira 100 diaspora Malaysia di Russia termasuk pelajar.

Hari ini, Anwar dijangka menghadiri perbincangan meja bulat bersama tokoh industri Russia di Hotel Metropol, Moscow, diikuti beberapa pertemuan perniagaan secara individu.

Beliau juga dijadual bertemu Perdana Menteri Russia, Mikhail Mishustin di Rumah Kerajaan.

Delegasi Malaysia juga menghadiri perbincangan rasmi bersama Presiden Putin di Kremlin.

Perbincangan dijangka bertumpu kepada soal perdagangan, pendidikan, kerjasama teknologi serta pengukuhan hubungan dengan dunia Islam.

Perdana Menteri juga dijadual bertemu Mufti Besar Russia, Sheikh Ravil Gaynutdin yang juga Pengerusi Majlis Mufti Russia, dalam usaha memperkukuh hubungan Malaysia dengan institusi dan komuniti Islam di ne-

gara itu.

Pada Khamis, Anwar akan menyampaikan syarahan umum di Institut Hubungan Antarabangsa Moscow (MGIMO), akademi diplomatik terkemuka Russia, di mana beliau akan dianugerahkan ijazah kehormat.

Acara ini dijangka menonjolkan hubungan pendidikan yang panjang antara Malaysia dan Russia, menyaksikan ribuan rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran di universiti di Russia, khususnya dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

Perdana Menteri juga dijadual ke Kazan, ibu negeri Tatarstan, di mana beliau akan bertemu Ketua (Presiden) Tatarstan, Rustam Minnikhanov serta melawat Ekspo Halal Russia dan Taman Teknologi Tinggi Kazan.

Beliau juga akan menyertai dialog Kumpulan Visi Strategik: Russia-Dunia Islam serta menyampaikan ucapan di Forum Ekonomi Antarabangsa ke-16 'Russia-Dunia Islam: Forum Kazan 2025'.

Dahulunya dikenali Sidang Kemuncak Kazan, forum ini dinamakan semula pada 2023 dan kini menjadi antara platform dialog terbesar antara Russia dan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Pada 2023, perdagangan Malaysia dan Russia mencecah RM14.22 bilion (AS\$3.1 bilion) dengan eksport utama terdiri daripada galas bebola, mesin elektrik dan pakaian getah.

Eksport utama Russia ke Malaysia pula termasuk petroleum bertapis, arang batu dan baja potasium.

Perdana Menteri kali terakhir melawat Russia pada September 2024 bagi menghadiri Forum Ekonomi Timur di Vladivostok, di mana beliau bertemu dengan Putin dan menyuarakan sokongan terhadap kerjasama global multipolar.

Sejak itu, Malaysia menjadi negara rakan dalam BRICS, iaitu blok pasaran baharu yang asalnya dibentuk Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan.